



PEKELILING NAIB CANSOLOR

Tarikh : 19 April 2013

Bil.2/2013

Ruj: UMS/CAN1.1/100-1/7/1(3)

LARANGAN MENGADAKAN AKTIVITI-AKTIVITI POLITIK DI DALAM KAMPUS BAGI PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1. Adalah dimaklumkan bahawa seksyen 15 (1), Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2012 telah membenarkan pelajar Universiti menjadi ahli mana-mana persatuan termasuk ahli sesebuah parti politik. Walau bagaimanapun, seksyen 15(2) melarang pelajar untuk terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam Kampus.
2. Sehubungan itu, bagi mengawal selia aktiviti pelajar-pelajar Universiti Malaysia Sabah, Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali ke-53 pada 27 November 2012 telah bersetuju untuk mengguna pakai Kod Tatakelakuan Aktiviti Politik Di Dalam Kampus Untuk Pelajar Universiti Malaysia Sabah sebagaimana Pekeliling Pendaftar Bil.2/2013 bertarikh 30 Januari 2013 bernombor rujukan UMS/PEND2.1/100-1/7/2 seperti di Lampiran.
3. Sekiranya terdapat mana-mana pelajar yang melanggar larangan tersebut di atas, tindakan boleh dikenakan berdasarkan peruntukan di dalam Kod Tatakelakuan Aktiviti Politik Di Dalam Kampus Untuk Pelajar Universiti Malaysia Sabah, Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Sabah (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 atau Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2012 mengikut mana yang berkenaan.
4. Tanggung jawab pelajar adalah untuk mendalami ilmu pengetahuan dan mendalami bidang profesional pengajian masing-masing bebas dari pengaruh parti politik. Penglibatan pelajar dalam aktiviti politik di dalam Kampus adalah bertentangan dengan prinsip 'neutrality' dan boleh

menimbulkan suasana yang tidak harmoni di dalam Kampus. Oleh yang demikian, kerjasama daripada semua pihak adalah amat diharapkan dalam menguatkuasakan kod tatakelakuan ini.

Sekian untuk makluman dan perhatian tuan/puan.

Terima kasih.

Yang ikhlas,



PROF. DATUK DR. MOHD HARUN ABDULLAH
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



**KOD TATAKELAKUAN AKTIVITI-AKTIVITI
POLITIK DI DALAM KAMPUS UNTUK PELAJAR
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Universiti Malaysia Sabah

2012

1.0 PENGENALAN

- 1.1. Setiap Institusi Pengajian Tinggi Awam telah diarahkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk mewujudkan Kod Tatakelakuan Aktiviti-Aktiviti Politik Di Dalam Kampus Untuk Pelajar sebagai mekanisme untuk mengawal selia aktiviti pelajar atau persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar dalam aktiviti-aktiviti politik di dalam kampus.
- 1.2. Kod Tatakelakuan Aktiviti-Aktiviti Politik di Dalam Kampus Untuk Pelajar Universiti Malaysia Sabah ini diwujudkan sebagai respon kepada Pindaan AUKU pada tahun 2012, yang mana menyatakan dalam Seksyen 15 AUKU yang telah dipinda seperti berikut:

"15. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), seseorang pelajar Universiti boleh menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, termasuk mana-mana parti politik.

(2) Seseorang pelajar Universiti tidak boleh –

- a) menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- b) menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang, yang bukannya suatu parti politik, yang ditetapkan oleh Lembaga sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu;
- c) terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam Kampus.

(3) Seseorang pelajar Universiti dan mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti yang ditubuhkan oleh, di bawah atau mengikut Perlembagaan, tidak boleh menyatakan atau melakukan apa-apa jua yang boleh semunasabahnya ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan kepada atau simpati dengan atau bangkangan terhadap –

- a) mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia; atau
- b) mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh Lembaga sebagai

tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), seseorang pelajar Universiti tidak boleh dihalang daripada –

- a) membuat pernyataan mengenai sesuatu perkara akademik yang berhubungan dengan perkara yang pelajar itu terlibat dalam pengajian atau penyelidikannya; atau
- b) menyatakan pendirian mengenai perkara yang disebut dalam perenggan (a) dalam sesuatu seminar, simposium atau majlis seumpamanya yang tidak dianjurkan atau ditaja oleh mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, atau mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh Lembaga di bawah perenggan (3)(b) sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu.

5) Universiti hendaklah mengawal selia aktiviti pelajar dan persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti di dalam Kampus.”

- 1.3. Berdasarkan undang-undang yang diperuntukkan tersebut, Kod ini disediakan bukan sahaja untuk mengawal selia aktiviti pelajar di dalam kampus, malah agar dapat dijadikan panduan untuk pelaksanaan undang-undang oleh pihak Universiti Malaysia Sabah dan juga panduan kepada pelajar untuk memudahkan pergerakan pelajar dalam menjalankan aktiviti di dalam kampus.

2.0 SKOP KOD TATAKELAKUAN

Kod Tatakelakuan ini adalah terpakai dan dikuatkuasakan ke atas semua pelajar seperti didefinisikan dalam peruntukan Seksyen 2 AUKU.

3.0 PIHAK YANG MEMBUAT ADUAN

Aduan tentang pelanggaran Kod Tatakelakuan ini boleh dibuat oleh:-

- Warga kampus iaitu pekerja Universiti dan pelajar Universiti;
- Polis Diraja Malaysia atau Pihak Berkuasa Tempatan;
- Orang awam;
- Mana-mana pihak yang berkenaan.

4.0 AKTIVITI PELAJAR

4.1 AKTIVITI YANG DIBENARKAN

DILUAR KAMPUS	DITALAM KAMPUS
i. Menjadi ahli parti politik; ii. Memegang jawatan dalam parti politik; iii. Bertanding dalam pilihanraya; iv. Menjadi ején kepada calon parti politik; v. Melibatkan diri dalam kempen pilihanraya.	i. memegang jawatan pelajar dalam kampus, termasuklah dalam badan pelajar, kolej kediaman, Majlis Perwakilan Pelajar dan mana-mana organisasi pelajar dan pada masa yang sama memegang jawatan parti politik; ii. Mengambil bahagian dalam seminar atau simposium berkaitan politik yang dianjurkan oleh Universiti Malaysia Sabah; iii. Mengeluarkan kenyataan akhbar mengenai politik yang berkaitan dengan kajian atau kursus akademik yang diikuti oleh pelajar melalui dan diluluskan oleh Bahagian Perhubungan Korporat (BPK), Universiti Malaysia Sabah; iv. Menganjurkan aktiviti akademik yang melibatkan ahli parti politik dengan kebenaran Universiti Malaysia Sabah; v. Menjemput mana-mana orang yang bukan pelajar atau pekerja Universiti untuk mesyuarat, seminar, bengkel, kuliah, tutorial atau program yang seumpamanya dengan kebenaran Universiti Malaysia Sabah.
Nota : 1. Kebenaran oleh Universiti Malaysia Sabah boleh diberikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) atau wakilnya.	

2. Kelulusan oleh Bahagian Perhubungan Korporat boleh diberikan oleh Pengarah atau wakilnya.

Peringatan:

- ❖ Pelajar yang melibatkan diri dalam aktiviti parti politik di luar Kampus perlu **menjaga adab sopan dan kelakuan masing-masing**. Sekiranya didapati pelajar terlibat dalam perkara yang memudaratkan dan mencemarkan nama Universiti Malaysia Sabah, pelajar masih tertakluk kepada peraturan Universiti Malaysia Sabah sedia ada.
- ❖ **Universiti Malaysia Sabah tidak akan bertanggungjawab** dalam apa-apa perkara yang berlaku terhadap pelajar semasa pelajar menjalankan aktiviti parti politik.

4.2 AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN

AKTIVITI-AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN	
i.	terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam Kampus, termasuklah menyebarkan maklumat, propaganda atau ideologi berkaitan parti politik melalui ceramah, taklimat, menyebarkan risalah, mempamerkan sepanduk, poster atau dalam apa jua bentuk penyebaran secara lisan atau apa-apa bentuk dokumen.
ii.	menyatakan sokongan atau simpati atau bangkangan terhadap mana-mana parti politik melalui penggunaan mana-mana simbol atau apa-apa yang melambangkan parti politik, termasuklah dengan pakaian, topi, lencana dan sebagainya, di dalam Kampus.
iii.	menyatakan sokongan atau simpati atau bangkangan terhadap mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang sama ada didalam atau di luar Malaysia; atau mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh Lembaga sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti Malaysia Sabah.
iv.	memakai atau membawa atau dalam apa-apa cara menggunakan logo atau simbol Universiti Malaysia Sabah dalam-penglibatan pelajar dalam aktiviti parti politik di luar Kampus.

- v. Menganjurkan apa-apa aktiviti parti politik di luar kampus menggunakan nama Universiti Malaysia Sabah.

5.0 KAEDAH PELAKSANAAN

Sekiranya Universiti mendapati wujudnya pelanggaran terhadap peruntukan peraturan yang dinyatakan dalam Kod ini, pelajar adalah dianggap telah melakukan kesalahan di bawah Perenggan 15 (2) (c) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Universiti boleh mengenakan tindakan tatatertib.

6.0 JAWATANKUASA ADJUDIKASI

- 6.1 Jawatankuasa Adjudikasi mempunyai kuasa dan fungsi untuk menyalah aduan salah laku di bawah Kod ini. Sekiranya Jawatankuasa Adjudikasi mendapati bahawa terdapat kes terhadap pelajar, kes tersebut hendaklah dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar Universiti Malaysia Sabah.

6.2 Keanggotaan :

Pengerusi : Seorang Timbalan Dekan Sekolah/Pusat yang dilantik oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Ahli : : Dua (2) orang ahli akademik yang dilantik oleh Pengerusi
: Mana-mana kakitangan Pengurusan dan Profesional yang dilantik oleh Pengerusi (jika perlu)
Urusetia : : Seorang kakitangan Pengurusan dan Profesional

6.3 Tatacara Siasatan :

Tatacara siasatan adalah mengikut Pekeliling Pendaftaran Bil.12/2010 bertarikh 15 Disember 2010 bernombor rujukan UMS/PN2.1/P5/2 'Garis Panduan Proses Penyiasatan dan Penyediaan Laporan bagi Jawatankuasa Siasatan'.

7.0 ARAHAN PENTADBIRAN

Naib Canselor boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan arahan yang difikirkan perlu dan suaimanfaat untuk tujuan pelaksanaan dan penguatkuasaan Kod Tatakelakuan ini:

8.0 TANGGUNGJAWAB PELAJAR DAN ORGANISASI PELAJAR DALAM MEMATUHI KOD TATAKELAKUAN

- 8.1 Berdasarkan Seksyen 15 (5) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 Kod Tatakelakuan ini diwujudkan untuk mengawal selia aktiviti pelajar dan persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar dalam aktiviti politik. Selain itu, Kod Tatakelakuan ini juga bertujuan untuk memastikan keamanan dan keharmonian komuniti kampus dapat sentiasa dijaga dan dipelihara.
- 8.2 Pelajar atau organisasi pelajar yang didapati melanggar peruntukan peraturan seperti yang terkandung dalam Kod Tatakelakuan ini boleh dikenakan tindakan tatatertib oleh Universiti di bawah Kod Tatakelakuan ini.

9.0 PENUTUP

Bagi memastikan pelajar dan organisasi pelajar tidak melakukan sesuatu perbuatan yang melanggar peruntukan dalam Kod Tatakelakuan ini, maka adalah wajar bagi setiap pelajar untuk memahami, menghayati dan seterusnya mengamalkan nilai-nilai yang baik dan perilaku yang tidak bertentangan dengan peraturan Kod Tatakelakuan ini serta peraturan Universiti yang lain. Penghayatan, sepenuhnya ini bukan sahaja boleh menghindarkan pelajar daripada terlibat dalam perilaku yang bertentangan dengan undang-undang, malah boleh mempertingkatkan martabat pelajar dan seterusnya menyumbang kepada penjagaan nama baik dan imej Universiti.

Dibuat


TAN SRI DATUK ABDUL HAMID EGOH

Pengerusi
Lembaga Pengarah
Universiti Malaysia Sabah

